



**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(IKLAN JAWATAN KOSONG)**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Majlis Bandaraya Shah Alam. Keutamaan akan diberi kepada rakyat *DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan*.

<b>1. NAMA JAWATAN</b>	:	<b>ARKITEK</b>
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Kejuruteraan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Skim Perkhidmatan	:	Arkitek
Taraf Jawatan	:	Tetap
Gred dan Jadual Gaji	:	J41: P1T1 2088.55 - P1T23 4721.03 P2T1 2184.26 - P2T23 5015.88 P3T1 2284.45 - P3T23 5306.79

**Syarat Lantikan:**

- a) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: P1T3);
- dan** b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera Senibina (tetap) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

<b>2. NAMA JAWATAN</b>	:	<b>PENOLONG PEGAWAI BELIA &amp; SUKAN</b>
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Sosial
Kumpulan Perkhidmatan	:	Sokongan
Skim Perkhidmatan	:	Penolong Pegawai Belia dan Sukan
Taraf Jawatan	:	Tetap
Gred dan Jadual Gaji	:	S27: P1T1 1204.55 - P1T26 3027.10 P2T1 1274.13 - P2T26 3213.25 P3T1 1346.73 - P3T26 3405.26

**Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- ii) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5); atau
- (Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia dan sukan)
- dan** b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**3. NAMA JAWATAN : AHLI MUZIK  
(PIANO/PENGGUBAH LAGU/GITAR/ACCORDIAN/  
TRUMPET/VIOLIN/KEYBOARD)**

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Bakat & Seni  
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
Skim Perkhidmatan : Ahli Muzik  
Taraf Jawatan : Kontrak  
Gred dan Jadual Gaji : B27: P1T1 1210.60 - P1T26 3033.15  
P2T1 1280.18 - P2T26 3219.30  
P3T1 1352.78 - P3T26 3411.31

**Syarat Lantikan:**

- a) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional  
dan b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**4. NAMA JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN**

Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional, Sokongan  
(Skim Perkhidmatan Bersepadu)  
Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan dan Kesihatan  
Taraf Jawatan : Kontrak  
Gred dan Jadual Gaji : U29: P1T1 1160.69 - P1T27 3057.39  
P2T1 1231.78 - P2T27 3279.74  
P3T1 1305.89 - P3T27 3476.28

**Syarat Lantikan:**

- a) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : P1T6) DAN  
dan b) Lulus Bahasa Malaysia /Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**PERHATIAN KEPADA PEMOHON:**

- i) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan penilaian prestasi yang terkini;
- ii) Permohonan daripada kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam yang sedang berkhidmat hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan dan mendapat sokongan Ketua Jabatan;
- iii) Permohonan mestilah disertakan dengan salinan sijil yang disahkan;
- iv) Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga;
- v) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga(3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**PERMOHONAN:**

Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang (MBSA 1) yang boleh dibeli di Kaunter Bayaran Tingkat G dengan harga RM3.00 tunai/naskhah

Permohonan hendaklah dihantar kepada:-

**Bahagian Sumber Manusia  
Majlis Bandaraya Shah Alam  
Tingkat 1, Wisma MBSA, Peti Surat 7200  
40706 Shah Alam, Selangor**

Tarikh iklan dikeluarkan pada : **1 November 2009**

Tarikh tutup permohonan pada : **16 November 2009**

